Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001795
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1795

Tahap Kecerdasan Emosi Guru-Guru Sekolah Antarabangsa di Kuala Lumpur: Satu Kajian Kes

(The Level of Emotional Intelligence among International School Teachers in Kuala Lumpur: A Case Study)

Sharifah Munirah Syed Yahaya[1*], Norzaini Azman[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: shmunirah1991@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: norzai12@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Sharifah Munirah Syed Yahaya (shmunirah1991@gmail.com)

KATA KUNCI:
Kecerdasan Emosi
Guru-guru sekolah antarabangsa
Inventori Kepintaran Emosi Malaysia

KEYWORDS:
Emotional Intelligence
International school teacher
Malaysian Emotional Quotient Inventory

CITATION:
Sharifah Munirah Syed Yahaya & Norzaini Azman. (2022). Tahap Kecerdasan Emosi Guru-Guru Sekolah Antarabangsa di Kuala Lumpur: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001795. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1795

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kecerdasan emosi dan hubungan di antara kecerdasan emosi dan demografi (jantina, umur dan bangsa), pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan kelayakan mengajar (guru yang memiliki sijil mengajar) bagi guru-guru di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur. Kajian ini adalah kajian kes jenis tinjauan berbentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (IKEM) yang dibina oleh Noriah et al. (2004). Seramai 47 orang guru sekolah rendah telah menyertai kajian ini. Statistik deskriptif digunakan bagi melihat tahap kecerdasan emosi manakala Ujian-t digunakan untuk melihat hubungan di antara kecerdasan emosi dan jantina serta kelayakan mengajar. ANOVA Satu Hala pula digunakan untuk melihat hubungan bagi pembolehubah-pembolehubah yang lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi guru berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan dan kelayakan mengajar. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan pengalaman mengajar. Kajian ini memberi implikasi bahawa pengalaman mengajar adalah elemen penting dalam membentuk kecerdasan emosi guru.

ABSTRACT

This paper aims to explore the level of emotional intelligence of an international school primary teachers and its relationship with demographic profiles (gender, age and race), teaching experience, level of education and teaching eligibility (teachers with teaching certification). This is a case study employing a quantitative survey method. The Malaysian Emotional Quotient Inventory (MEQI) developed by Noriah et al. (2004) was used as the

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

research instrument. A total of 47 primary school teachers participated in this study. Descriptive statistic was used to measure the level of emotional intelligence and t-test was used to determine differences between level of emotional intelligence with gender and teaching eligibility. One-way Anova was used to examine the relationship between emotional intelligence and other dependent variables. The results showed high level of emotional intelligence among teachers. This study also revealed that there were no significant differences between emotional intelligence and gender, race, level of education and teaching eligibility. However, there was a significant difference between emotional intelligence and teaching experience. This study provides the implication that teaching experience is an important element in shaping teachers' emotional intelligence.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkenaan kecerdasan emosi guru khususnya yang bekerja di sekolah bukan kerajaan. Sumbangan utama kajian adalah kepada keperluan pihak sekolah untuk membina kecerdasan emosi guru melalui pelbagai latihan berkaitan pendidikan lanjutan dan professional.

1. Pengenalan

Guru merupakan satu profesion yang amat penting bagi membantu perkembangan pelajar kerana guru merupakan individu yang boleh disifatkan sebagai pengganti peranan ibu bapa di sekolah. Oleh itu, emosi guru memainkan peranan penting yang dapat memberi impak kepada pelajar. Menurut Rodrigo-Ruiz (2016), emosi guru yang positif akan memberi impak yang positif kepada pelajar manakala emosi guru yang negatif akan mencetuskan kesan sebaliknya. Justeru, guru yang cekap emosi amat diperlukan di dalam setiap program pendidikan supaya mereka dapat menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Setiap guru, samada yang bekerja di sekolah kerajaan, sekolah swasta mahupun sekolah antarabangsa adalah tulang belakang dalam proses pendidikan negara, justeru mereka memainkan peranan penting dalam pembangunan masyakat.

Guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu mengurus persekitaran pembelajaran dengan berkesan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang (Syed Najmuddin, 2005; Khadijah et al., 2012; Ying, 2017). Dalam erti kata lain, dengan pelbagai tugasan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru, prestasi kerja dan kesejahteraan guru masih dapat ditingkatkan sekiranya mereka memiliki kecerdasan emosi yang tinggi (Arsenijević et al., 2012; Alhashemi, 2018). Manakala guru yang mempunyai kecedasan emosi yang lemah mengalami pelbagai masalah dalam menguruskan aktiviti pembelajaran dan pengajaran di sekolah (Maheshwari & Baralamulu, 2015). Oleh yang demikian, setiap guru perlu mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran yang penting terutamanya kemahiran mengawal emosi bagi memastikan mereka dapat menyampaikan hasil kerja yang terbaik dan sempurna. Dalam menghadapi keadaan yang tertekan, kemahiran untuk menghadapi, memahami dan berkomunikasi dengan emosi sendiri serta berkomunikasi dengan baik bersama pelajar adalah amat diperlukan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis sekolah yang majoritinya adalah sekolah kerajaan di ikuti dengan sekolah swasta dan sekolah antarabangsa. Berlainan dengan syarat pengambilan guru di sekolah kerajaan, sekolah swasta atau antarabangsa memilih bakal guru dari pelbagai latar belakang bidang dan tidak semestinya terhad kepada graduan yang mempunyai ijazah dalam bidang pendidikan. Oleh itu, tidak semua guru di sekolah antarabangsa mempunyai kelayakan mengajar dan mereka juga tidak diberikan latihan terlebih dahulu sebelum mula berkhidmat sebagai guru. Menurut Boudersa (2016), guru yang tidak didedahkan dengan latihan mengajar akan mudah hilang keyakinan untuk mengajar, rasa mengeluh dan tidak tahu bagaimana untuk mencari solusi ketika menghadapi masalah ketika mengajar. Hal ini menjadi masalah kepada guru yang tidak terlatih dalam menjalankan tugasan harian dan hal ini memberi impak yang negatif kepada emosi mereka.

Umumnya, guru-guru di sekolah antarabangsa terbahagi kepada dua iaitu guru kelas dan guru subjek (bahasa, pendidikan seni, muzik dan pendidikan jasmani). Berbeza dengan guru subjek, guru kelas perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran bagi keseluruhan subjek di dalam sesuatu gred yang tidak diajar oleh guru subjek (Okumura, 2017). Guru kelas juga menghabiskan hampir keseluruhan masa mereka bersama murid-murid, memantau murid-murid ketika melakukan aktiviti di dalam kelas dan pada waktu rehat serta perlu menanggung lebih banyak tanggungjawab berkenaan hal-hal di dalam bilik darjah seperti persediaan terhadap penilaian kerja murid-murid (Kebbi & Al-Hroub, 2018), memantau kemajuan mereka dan membina hubungan baik dengan mereka serta ibu bapa mereka (Fisherman, 2015).

Tanggungjawab seperti ini memberikan bebanan yang tinggi kepada guru kelas dan boleh membawa kepada tekanan dan memberi kesan kepada emosi, produktiviti serta kesihatan mental guru. Tekanan terhadap guru juga boleh menyebabkan guru berada dalam keadaan murung dan mengalami tekanan emosi (Schonfeld et al. 2017; Zahiruddin & Sivasubramaniam, 2019). Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi impak negatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan mengakibatkan penurunan prestasi kerja. Kesan tekanan ini juga akan menjadikan guru cepat marah dan pelaksanaan kerja yang sambil lewa sehingga kualiti kerja terjejas (Haslina, 2013). Bagi mengelakkan daripada hal ini terjadi, tahap kecerdasan emosi guru perlu diberi perhatian bagi memastikan mereka dapat memberikan pendidikan yang terbaik di samping dapat menjaga hubungan baik dengan pihak sekolah, pelajar serta ibu bapa.

Namun, kajian di Malaysia berkaitan tahap kecerdasan emosi guru di sekolah antarabangsa masih kurang dijalankan berbanding dengan sekolah-sekolah kerajaan dan di intitusi pengajian tinggi. Persoalannya, apakah tahap kecerdasan guru-guru di sekolah antarabangsa memuaskan dan adakah mereka mempunyai kesedaran terhadap kecerdasan emosi? Memandangkan kecerdasan emosi adalah kemahiran yang boleh dipelajari dan dibina, maka satu kajian untuk melihat tahap kecerdasan emosi guru-guru di sekolah antarabangsa telah dijalankan sebagai langkah awal bagi menambahbaikkan kualiti pengajaran guru di sekolah. Dalam kajian ini, tahap kecerdasan emosi dan hubungan di antara kecerdasan emosi dan demografi (jantina, umur dan bangsa), pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan kelayakan mengajar (guru yang mempunyai sijil mengajar) bagi guru-guru di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur telah dijalankan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian ini adalah penting bagi memastikan tahap kecerdasan emosi bagi kesemua guru di sekolah antarabangsa berada pada tahap yang tinggi bagi mengelakkan daripada berlakunya cetusan emosi dan tekanan yang boleh memberikan kesan kepada pelajar. Selain itu, dengan kajian ini, pihak sekolah dapat menekankan tentang kesedaran kecerdasan emosi kepada guru dan mengenal pasti dahulu tahap kecerdasan emosi dalam pemilihan bakal guru supaya guru-guru yang terpilih adalah dari mereka yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah supaya memastikan guru-guru tidak tertekan dengan bebanan kerja dan dapat menyediakan latihan yang terbaik bagi memastikan guru dapat mengawal tekanan dan emosi dengan berkesan. Selain itu, guru-guru yang bertugas di sekolah lain juga dapat memperoleh manfaat daripada kajian ini kerana kajian ini dapat memberi kesedaran kepada mereka tentang kepentingan kecerdasan emosi dan mengetahui bahawa kecerdasan emosi boleh dipupuk.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kecerdasan Emosi

Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi didefinisikan sebagai kebolehan seseorang individu untuk memantau dan memproses emosi yang sedang dialami oleh dirinya dan orang lain serta mampu membezakan emosi-emosi tersebut bagi mengawal pemikiran dan tingkah laku. Kecerdasan emosi kemudian dipopularkan oleh Goleman (1995) dengan mengistilahkan kecerdasan emosi sebagai kebolehan seseorang individu untuk mengurus, mengenal pasti dan memotivasi emosi sendiri serta orang lain. Menurut Goleman (1995) juga, apabila otak manusia menyimpan sesuatu pengalaman, ia akan dikaitkan dengan emosi. Setiap perkaitan ini akan menentukan bahawa pengalaman yang dialami itu adalah sesuatu yang diingini ataupun perlu dielakkan. Goleman (1995) menyatakan bahawa dengan adanya kecerdasan emosi, emosi seseorang itu dapat diurus dan dimanfaatkan dengan baik. Selain itu, Goleman (1995) juga mendapati bahawa kecerdasan emosi merupakan faktor kecerdasan yang paling dominan bagi menentukan kejayaan seseorang iaitu sebanyak 80 peratus manakala 20 peratus lagi hanya disumbangkan oleh kecerdasan intelek. Serrat (2017) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi lebih memahami diri mereka dengan baik, lebih mudah mesra, bersifat berdaya tahan dan optimistik.

Walaupun setiap individu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang berbeza, namun kecerdasan emosi boleh dipelajari. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi dapat dipupuk dan diperkembangkan dengan beberapa cara dan dapat dilakukan secara individu atau dipupuk melalui latihan di tempat kerja. Kecerdasan emosi warga di dalam satu organisasi boleh dipupuk melalui empat fasa iaitu memberikan persediaan, latihan, pemindahan dan penyelenggaraan kemahiran, serta melakukan penilaian (Serrat, 2017). Mohd Khairuddin et al. (2017) pula mendapati bahawa kecerdasan emosi dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan pengalaman yang dibina.

2.2. Kecerdasan Emosi dan Guru

Guru merupakan satu profesion yang amat penting bagi membantu perkembangan pelajar kerana guru merupakan individu yang boleh disifatkan sebagai pengganti peranan ibu bapa di sekolah. Oleh itu, emosi guru memainkan peranan penting yang memberi impak kepada pelajar. Menurut Rodrigo-Ruiz (2016), emosi guru yang positif akan memberi impak yang positif kepada pelajar manakala emosi guru yang negatif

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

akan mencetuskan kesan sebaliknya. Justeru, guru yang cekap emosi amat diperlukan di dalam setiap program pendidikan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan lebih berkesan.

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi adalah sesuatu yang penting dan memberikan impak yang positif kepada guru (Arsenijević et al., 2012; Ying, 2017; Khadijah et al., 2012). Guru-guru yang tinggi tahap kecerdasan emosi lebih bijak dalam menguruskan emosi, mempunyai prestasi kerja yang baik, tahap kepuasan kerja yang tinggi serta kesihatan mental dan fizikal yang baik. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa walaupun guru dibebankan dengan pelbagai tugas dan cabaran, tahap kecerdasan emosi yang tinggi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan baik dan dapat mengawal tekanan ketika berdepan dengan masalah. Kajian Ying (2017) pula mendapati guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih bermotivasi untuk melakukan kerja dan sentiasa berfikiran positif apabila menghadapi cabaran. Kesimpulannya, guru yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dapat mengambil cabaran sebagai sesuatu yang biasa dihadapi di tempat kerja.

2.3. Model Kecerdasan Emosi Goleman-Noriah oleh Noriah et al. (2004)


Model yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan Model Kecerdasan Emosi Goleman yang telah diadaptasi oleh Noriah et al. (2004). Model ini membahagikan kecerdasan emosi kepada dua jenis kompetensi yang mempunyai beberapa domain iaitu kompetensi peribadi dan kompetensi sosial serta dua domain tunggal iaitu kematangan dan kerohanian (Noriah et al, 2004). Kompetensi peribadi adalah mengenai bagaimana seseorang individu menguruskan dirinya sendiri. Kompetensi sosial pula memberikan implikasi bagaimana seseorang itu mampu membina hubungan dengan orang lain. Model Kecerdasan Emosi Goleman-Noriah mentakrifkan kecerdasan emosi kepada tujuh domain iaitu:

i. Kemampuan mengenali emosi diri (kesedaran kendiri)
ii. Kemampuan mengurus emosi diri (regulasi kendiri)
iii. Kemampuan memotivasikan diri (motivasi kendiri)
iv. Kemampuan mengenali emosi orang lain (empati)
v. Kemampuan membina hubungan (kemahiran sosial)
vi. Kematangan
vii. Kerohanian

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang diasaskan oleh Noriah et al. (2004).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian yang diasaskan oleh Noriah et al. (2004)



3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian, populasi dan sampel

Kajian ini adalah satu kajian kes berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Creswell (2002), kajian kes merupakan sesuatu masalah yang perlu dikaji dan hasilnya akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam. Soal selidik digunakan kerana ia lebih praktikal dan mudah untuk mendapatkan maklumat tentang sikap yang sukar diukur menggunakan teknik pemerhatian (Schonfeld et al. 2017). Sasaran kajian ini meliputi kesemua guru sekolah rendah di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur. Merujuk kepada data yang diperoleh daripada pihak sekolah, jumlah kesemua guru adalah sebanyak 122 orang dan 60 orang daripada keseluruhan guru adalah daripada guru-guru sekolah rendah manakala selebihnya adalah guru-guru tadika dan sekolah menengah. Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah. Kajian ini tidak memerlukan sebarang kaedah persampelan kerana keseluruhan populasi telah diambil sebagai sampel kajian. Namun, terdapat 13 daripada 60 orang guru yang tidak dapat menyertai kajian ini disebabkan hal yang tidak boleh dielakkan.

3.2. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mengukur setiap pemboleh ubah. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (IKEM) yang telah dibina oleh Noriah et al. (2004). Inventori ini mempunyai 187 item dan menggunakan skala likert 5 points bermula dari sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Jadual 1 menunjukkan penentuan skor bagi instrumen yang akan digunakan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Skor bagi Skala Likert

Kategori	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Terdapat dua bahagian di dalam inventori ini, iaitu bahagian pertama yang merangkumi soalan berkenaan latar belakang dan maklumat ringkas responden manakala bahagian kedua mengandungi soalan-soalan yang mengukur ketujuh-tujuh domain kecerdasan emosi dan merangkumi 28 subdomain. Soal selidik ini mempunyai 11 bahagian iaitu bahagian A hingga bahagian K. Bahagian A,C, D, F,G,I dan J mengandungi soalan yang berbentuk persepsi manakala bahagian B,E,H dan K merangkumi soalan yang mengukur prestasi emosi yang berkaitan dengan kecerdasan emosi. Masa yang diambil untuk mentadbir soal selidik ini adalah selama 30 hingga 40 minit.

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan instrumen IKEM dewasa mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Noriah et al. (2003) telah menjalankan kajian rintis dan hasilnya mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan inventori ini adalah sebanyak 0.977. Kemudian, Noriah et al. (2004) menjalankan semula analisis kebolehpercayaan IKEM terhadap setiap domain dan hasil menunjukkan nilai Cronbach Alfa di antara 0.87 ke 0.97. Beberapa pengkaji juga telah menguji kebolehpercayaan instrumen ini dan mendapati bahawa nilai Cronbach Alpha adalah 0.80 ke 0.97 untuk kesemua tujuh domain kecerdasan emosi (Syed Najmuddin, 2005).

3.3. Kaedah Penganalisisan Data

Data yang dikutip dari borang soal selidik direkodkan dan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Menurut Zhu dan Kuljaca (2005), SPSS merupakan salah satu alat pengukur statistik yang baik kerana mempunyai Antara Muka Pengguna (GUI) yang lebih mudah digunakan. Analisis data kemudian dijalankan bagi setiap objektif. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi melihat tahap kecerdasan emosi manakala analisis inferensi melalui ujian-t digunakan untuk melihat hubungan jantina serta kelayakan mengajar dan ANOVA Satu Hala pula digunakan bagi melihat hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah yang lain.

4. Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian dibincangkan bermula dengan profil demografi, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan kelayakan mengajar guru (guru yang memiliki sijil mengajar) diikuti dengan tahap kecerdasan emosi guru serta hubungannya dengan demografi, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan kelayakan mengajar.

4.1. Demografi, Pengalaman Mengajar, Tahap Pendidikan dan Kelayakan Mengajar Responden

Jadual 2 menunjukkan bilangan dan peratusan bagi demografi, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan kelayakan mengajar guru. Jumlah bilangan kesemua

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

responden adalah sebanyak 47 orang termasuk 42 orang responden (89.4%) adalah guru perempuan dan 5 orang (10.6%) responden lelaki. Bagi umur responden pula, jumlah bilangan tertinggi adalah yang berumur 20-30 tahun iaitu sebanyak 22 orang (46.8%), diikuti dengan responden berumur 31-40 tahun sebanyak 17 orang (36,2%). Terdapat 7 orang responden (14.9%) yang berumur antara 41-50 tahun manakala hanya seorang responden yang berumur 51-60 tahun. Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa atau ras menunjukkan guru berketurunan Cina adalah bangsa yang paling dominan iaitu seramai 20 orang (42.6%), diikuti dengan responden berbangsa India seramai 15 orang (31.9%). Responden bukan warganegara adalah seramai 7 orang (14.9%), manakala responden berbangsa Melayu adalah paling kecil iaitu seramai 5 orang (10.60%).

Jadual 2: Demografi, Pengalaman Mengajar, Tahap Pendidikan dan Kelayakan Mengajar Guru

Kategori	Perincian	N	Peratus %
Jantina	Lelaki	5	10.60
	Perempuan	42	89.40
Umur	20 – 30 tahun	22	46.80
	31 – 40 tahun	17	36.20
	41 – 50 tahun	7	14.90
	51 – 60 tahun	1	2.10
Bangsa	Cina	20	42.55
	India	15	31.91
	Bukan Warganegara	7	14.89
	Melayu	5	10.64
Tahap Pendidikan	Lepasan SPM	2	4.30
	Diploma	5	10.60
	Ijazah Sarjana Muda	31	66.00
	Ijazah Sarjana	9	19.10
Pengalaman Mengajar	<1 tahun	9	19.15
	2-5 tahun	16	34.04
	6-10 tahun	16	34.04
	>11 tahun	6	12.77
Kelayakan Mengajar	Ada	38	80.90
	Tidak Ada	9	19.10

Seterusnya, bagi tahap pendidikan pula, hanya dua orang responden (4.3%) yang mempunyai pencapaian akademik di tahap SPM. Majoriti responden mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda (N= 31; 66.0%), diikuti dengan responden yang mempunyai kelayakan diploma iaitu seramai 5 orang (10.6%). Terdapat sembilan orang responden yang mempunyai kelayakan di tahap sarjana (19.1%). Hampir 2/3 (N=32; 68.0%) daripada responden mempunyai pengalaman mengajar antara 2-10 tahun sementara hanya sembilan orang (19.1%) responden mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 1 tahun. Hanya segelintir guru (N=6; 12.7%) yang berpengalaman mengajar lebih daripada 11 tahun Bagi demografi kelayakan mengajar, Jadual 2 menunjukkan majoriti responden (N= 38; 80.9%) mempunyai sijil kelayakan mengajar dan hanya 9 orang (19.1%) tidak mempunyai sebarang sijil kelayakan mengajar.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2. Tahap Kecerdasan Emosi

Jadual 3 menunjukkan nilai skor min secara keseluruhan bagi tahap kecerdasan emosi responden. Keputusan analisis deskriptif menunjukkan skor min bagi tahap peratus kecerdasan emosi adalah tinggi iaitu 82.1

Jadual 3: Skor Min Tahap Kecerdasan Emosi Guru-Guru di Sekolah Antarabangsa

Kecerdasan Emosi	N	Skor Min
	47	82.106

4.3. Perbezaan Tahap Emosi Guru dan Jantina

Bagi menentukan kesignifikanan tahap emosi guru berdasarkan jantina, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut.
Hipotesis Nul 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa

Jadual 4 menunjukkan Ujian-t Sampel Tidak Bersandar yang digunakan bagi menguji hubungan di antara kecerdasan emosi dan jantina. Ujian Levene yang dijalankan bagi menguji kehomogenan varians mendapati bahawa F = 0.341 dan p= .562. Skor min bagi kecerdasan emosi pula menunjukkan bahawa guru perempuan menunjukkan skor min yang lebih tinggi (82.4) berbanding guru lelaki (81.8). Perbezaan skor min di antara guru lelaki dan guru perempuan adalah 0.25. Namun, hipotesis null diterima (p>0.05) dan dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan jantina guru-guru di sekolah antarabangsa. Hal ini bermakna tiada perbezaan antara tahap emosi guru lelaki dan perempuan.

Jadual 4: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Tahap Kecerdasan Emosi Guru dan Jantina

Jantina	N	Skor Min	Sisihan Lazim	t	NilaiF	Signifikan
Lelaki	5	81.8	8.955	-0.106	0.341	0.562
Perempuan	42	82.1	6.598	-0.083		

Sig. pada Aras 0.05

4.4. Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Guru dan Umur

Bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi guru berdasarkan umur, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:

Hipotesis Nul 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan umur dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa

Hasil dapatan di Jadual 5 menunjukkan skor min bagi responden yang berumur di antara 31 hingga 40 tahun (82.8) adalah lebih tinggi berbanding responden dari kumpulan umur yang lain diikuti oleh guru-guru yang berumur di antara 20 hingga 30 tahun (82.8). Responden yang berumur 41 hingga 50 tahun pula mempunyai skor min (78.8) dan responden berumur 51 hingga 60 tahun mempunyai skor min yang paling rendah iaitu sebanyak (76.0). Ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan umur F(5,42) =0.963; p>0.05. Oleh itu, hipotesis null gagal ditolak.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 5: Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Umur

Umur	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai F	Signifikan
20 – 30 tahun	22	82.8	7.67	0.963	0.419
31 – 40 tahun	17	82.8	5.55		
41 – 50 tahun	7	78.8	6.41		
51 – 60 tahun	1	76.0	-		
Keseluruhan	47				

Sig. pada Aras 0.05

4.5. Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Guru dan Bangsa

Bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi guru berdasarkan bangsa, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:
Hipotesis Nul 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan bangsa dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa

Jadual 6 menunjukkan berbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan bangsa. Hasil dapatan menunjukkan skor min bagi guru-guru berbangsa India (min=84.1) adalah lebih tinggi berbanding bangsa yang lain diikuti dengan bangsa Melayu (min=83.4) dan bangsa Cina (min=80.25). Skor min yang paling rendah adalah untuk guru bukan warganegara (min=78.0). Ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan bangsa $F(5,42) =1.012$; $p>0.05$. Oleh itu, hipotesis adalah gagal ditolak.

Jadual 6: Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Bangsa

Umur	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai F	Signifikan
Melayu	5	83.4	7.33	1.012	0.397
Cina	20	80.2	6.63		
India	15	84.1	7.54		
Bukan Warganegara	7	82.1	4.45		
Keseluruhan	47	82.1	6.77		

Sig. pada Aras 0.05

4.6. Perbezaan Tahap kecerdasan Emosi dan Tahap Pendidikan

Bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi guru berdasarkan tahap pendidikan, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:
Hipotesis Nul 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa

Jadual 7 menunjukkan perbezaan tahap kecedasan emosi berdasarkan tahap pendidikan. Hasil dapatan menunjukkan skor min bagi guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda (min= 83.3) adalah lebih tinggi berbanding kumpulan yang lain. Min skor bagi responden yang mempunyai Ijazah Sarjana adalah sebanyak 80.0 diikuti dengan min skor responden yang hanya mempunyai sijil SPM (min=71.5). Ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan nilai signifikan adalah 0.07 iaitu lebih besar daripada .05 (P>.05). Oleh itu hipotesis nul (Ho) gagal ditolak. Maka, tiada perbezaan yang sinifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan umur dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 7: Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai F	Signifikan
Lepasan SPM	2	71.50	2.12	2.474	0.07
Diploma	5	83.00	7.07		
Ijazah Sarjana Muda	31	83.26	6.61		
Ijazah Sarjana	9	80.00	5.94		
Keseluruhan	47	82.10	5.77		

Sig. pada Aras 0.05

4.7. Perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan Pengalaman Mengajar

Bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi guru berdasarkan pengalaman mengajar, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:
Hipotesis Nul 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan pengalaman mengajar

Jadual 8 menunjukkan perbezaan tahap kecedasan emosi berdasarkan pengalaman mengajar guru. Hasil dapatan menunjukkan skor min bagi guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar dari 2 hingga 5 dan 6 hingga 10 tahun (83.50) adalah lebih tinggi berbanding kumpulan yang lain. Min skor yang paling rendah adalah dari guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 11 tahun (74.50). Nilai signifikan bagi analisis ANOVA satu hala ialah .024 iaitu lebih kecil daripada .05 ($p<.05$). Oleh itu hipotesis nul (Ho) ditolak. Maka, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru di sekolah antarabangsa.

Jadual 8: Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Nilai F	Signifikan
<1 Tahun	9	82.22	8.79	3.46	0.024
2-5 Tahun	16	83.50	5.53		
6-10 Tahun	16	83.50	6.40		
>11 Tahun	6	74.50	1.22		
Keseluruhan	47	82.10	6.77		

Sig. pada Aras 0.05

4.8. Perbezaan tahap Kecerdasan Emosi berdasarkan Kelayakan Mengajar

Bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi guru berdasarkan kelayakan mengajar, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:
Hipotesis Nul 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi berdasarkan kelayakan mengajar

Jadual 9 menunjukkan Ujian-t Sampel Tak Bersandar yang digunakan untuk menguji hubungan di antara kecerdasan emosi dan kelayakan mengajar. Ujian Levene yang dijalankan bagi menguji kehomogenan varians mendapati bahawa F = 0.113 dan p=

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

.831. Skor min bagi kecerdasan emosi pula menunjukkan bahawa responden yang mempunyai kelayakan mengajar (82.21) mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding responden yang tidak mempunyai kelayakan mengajar (81.67). Namun, hipotesis null gagal ditolak (p>0.05) dan ini dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan kelayakan mengajar guru-guru di sekolah antarabangsa yang dikaji.

Jadual 9: Dapatan Ujian T Sampel Tak Bersandar Bagi Tahap Kecerdasan Emosi Guru dan Kelayakan Mengajar

Kelayakan Mengajar	N	Skor Min	Sisihan Lazim	T	Nilai F	Signifikan
Ada	38	82.21	6.6176	0.215	0.113	0.831
Tidak Ada	9	81.67	7.7782	0.194		

Sig. pada Aras 0.05

5. Perbincangan Kajian

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi bagi guru-guru di sekolah antarabangsa yang dikaji berada di tahap yang tinggi. Hasil kajian ini menyokong hasil kajian terdahulu oleh Supardi (2015) dan Ying (2017) yang mendapati bahawa kecerdasan emosi guru masih berada pada tahap yang tinggi walaupun terbeban dengan urusan kerja. Hal ini berlaku mungkin kerana guru-guru sudah bersedia untuk menempuhi pelbagai cabaran di sekolah antarabangsa. Selain itu, pihak sekolah antarabangsa ini juga menapis sebaiknya bakal guru yang diterima berkhidmat di sekolah ini walaupun mereka bukannya dari bidang pendidikan. Terdapat beberapa faktor lagi yang berkemungkinan menjadi menyumbang kepada tahap kecerdasan emosi yang tinggi bagi guru seperti sokongan daripada pengetua dan guru lain atau peruntukkan cuti sekolah yang panjang yang diberikan kepada guru. Keselesaan bilik darjah, bilik guru dan kemudahan infrastruktur di sekolah antarabangsa juga boleh memainkan peranan yang mungkin menyumbang kepada kestabilan emosi guru.

Hasil dapatan kajian bagi perbezaan di antara kecerdasan emosi guru di sekolah antarabangsa dan jantina mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan perempuan. Hasil dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan hasil dapatan Syed Najmuddin (2005) dan Nagaraj et al. (2020) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan iaitu tahap kecerdasan emosi guru perempuan adalah lebih tinggi daripada guru lelaki. Daripada hasil dapatan kajian ini, persamaan yang signifikan di antara guru lelaki dan perempuan adalah mungkin disebabkan mereka memainkan peranan yang sama dalam aktiviti pengajaran dan tidak ada klasifikasi tugasan yang berlainan bagi guru lelaki dan perempuan. Namun, jika hubungan di antara jantina dan setiap domain kecerdasan emosi dikaji, mungkin akan terdapat perbezaan di antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menguasai sesuatu domain.

Hasil dapatan kajian berkaitan perbezaan di antara kecerdasan emosi guru di sekolah antarabangsa dan umur pula mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Syed Najmuddin (2005) dan Tengku Elmi Azlina (2014). Walaupun tidak terdapat perbezaan antara tahap kecerdasan emosi dan umur, guru yang berumur 31 hingga 40 tahun mempunyai tahap kecerdasan yang lebih tinggi berbanding kumpulan umur yang lain. Hal ini berlaku mungkin disebabkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

faktor pengalaman mengajar dan sikap matang oleh guru yang lebih berumur berbanding golongan yang lebih muda.

Seterusnya, dapatan kajian berkenaan tahap kecerdasan emosi dan bangsa menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara kedua pembolehubah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian lepas oleh Wan Anor et al. (2012) yang mendapati bahawa faktor bangsa tidak mempengaruhi kecerdasan emosi. Hal ini mungkin disebabkan interaksi di antara guru-guru yang berbilang bangsa membuatkan mereka menjadi lebih memahami budaya masing-masing. Selain itu, dapatan ini juga mungkin dapat dikaitkan dengan perubahan zaman arus pemodenan yang menjadikan pemikiran guru lebih terbuka dan tidak lagi terikat dengan pemikiran yang dipegang oleh sesebuah budaya.

Dapatan kajian yang melihat perbezaan antara kecerdasan emosi dan tahap pendidikan guru pula menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan tahap pendidikan. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Asmah (2016) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan. Namun, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Syed Najmuddin (2005), Sazali (2006), Rorlinda (2009), Gudumi (2010) dan Tengku Elmi Azlina (2014). Walaupun dapatan kajian tidak signifikan, namun guru yang mempunyai Ijazah Sarjana menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding guru dari tahap pendidikan yang lain. Hal ini mungkin berlaku kerana cabaran dan pengalaman yang telah dilalui semasa program Sarjana. Cabaran seperti ini dapat melatih seseorang untuk mengurus emosi dan tekanan dengan lebih baik justeru meningkatkan tahap kecerdasan emosi. Oleh yang demikian, sekolah antarabangsa disarankan untuk menyediakan latihan dalam perkhidmatan dalam aspek keguruan serta pembelajaran dan pengajaran bagi guru yang memiliki tahap pendidikan yang lebih rendah. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecerdasan emosi guru malah juga dapat meningkatkan kemahiran guru. Adalah diharapkan dengan langkah ini, jurang perbezaan tahap pendidikan juga dapat dikurangkan.

Melihat kepada hubungan di antara kecerdasan emosi dan pengalaman mengajar, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan. Kajian oleh Mohd Khairuddin et al. (2017) juga mendapati bahawa guru yang lebih berpengalaman mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi. Hasil dapatan ini menyokong dapatan kajian Kauts et al. (2014) dan Ahsaan Siddique et al, (2020) yang menyatakan bahawa pengalaman mengajar merupakan pengaruh yang kuat kepada kecerdasan emosi guru. Dapatan kajian ini meneguhkan pendapat yang dikemukakan oleh Goleman (1999) bahawa kecerdasan emosi boleh dipelajari. Daripada hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa semakin lama guru bekerja, semakin tinggi kecerdasan emosi mereka. Oleh itu, pihak sekolah disarankan untuk menempatkan guru-guru yang tidak berpengalaman bersama-sama guru yang berpengalaman terlebih dahulu bagi melatih mereka cara mengendalikan kelas dan mengawal emosi dengan baik dan berkesan.

Hasil kajian terakhir menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara kecerdasan emosi guru dan kelayakan mengajar. Hasil dapatan ini bertentangan dengan beberapa kajian lepas seperti kajian oleh Dolev dan Leshem (2016) yang mendapati bahawa guru yang mempunyai kelayakan mengajar dan diberikan latihan terlebih dahulu menunjukkan kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan dan persediaan mengajar. Kajian yang dijalankan oleh Al-Busaidi et al (2019) juga menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kelayakan mengajar menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi kerana diberi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

persediaan yang lebih awal sebelum mula mengajar. Melihat kepada perbezaan hasil dapatan kajian ini dengan kajian-kajian lepas, hal ini mungkin disebabkan oleh minat dan motivasi yang tinggi untuk menjadi seorang guru. Kebanyakan guru yang tidak mempunyai kelayakan mengajar adalah guru yang mempunyai keinginan dan motivasi yang tinggi untuk menjadi seorang guru tetapi tidak diterima untuk meneruskan pendidikan tinggi di dalam jurusan pendidikan. Oleh disebabkan minat dan motivasi yang tinggi untuk menjadi seorang guru, mereka telah menyiapkan diri mereka sendiri dengan persediaan mengajar dan sedia menerima cabaran dengan positif.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhan, makalah ini telah membincangkan dengan terperinci tentang hasil dapatan kajian berdasarkan instrumen IKEM yang telah dijalankan kepada 47 orang guru di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur. Pengkaji memfokuskan kepada sebuah sekolah antarabangsa sahaja yang memiliki bilangan guru yang agak kecil. Oleh itu, perlu ditekankan bahawa dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada guru-guru di sekolah lain. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk memperluaskan kajian dengan membuat perbandingan antara sekolah antarabangsa dan sekolah swasta bagi memperoleh sampel yang lebih besar dan sampel yang mempunyai latar belakang yang berbeza.

Walaupun hasil kajian menunjukkan guru mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi, namun kecerdasan emosi tetap harus dipupuk secara berterusan. Pihak sekolah perlu terus memastikan kesihatan emosi guru mereka terjaga. Latihan berkaitan kecerdasan emosi masih perlu diberikan agar guru mampu meningkatkan tahap pengurusan emosi untuk bekerja dengan lebih efektif. Hal ini disokong oleh Tuyakova et al. (2022) yang menyatakan bahawa latihan kecerdasan emosi yang diberikan kepada guru dapat meningkatkan kecerdasan emosi justeru mempertingkatkan kualiti pengajaran. Selain itu, guru boleh memupuk kecerdasan emosi melalui pelbagai program pembangunan professional yang memfokuskan kepada kecerdasan emosi yang kini banyak dijalankan di dalam talian. Namun, menurut Serrat (2017), bagi memupuk kecerdasan emosi, seseorang itu harus mempunyai motivasi untuk belajar dan perlu mempraktikkan latihan kecerdasan emosi yang dipelajari secara berterusan. Pengkaji berharap dengan adanya kesedaran tentang kecerdasan emosi, masalah seperti ledakan emosi, tekanan dan kemurungan dapat dibendung. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian berkenaan kecerdasan emosi guru-guru dapat dijalankan dengan lebih meluas pada guru-guru di seluruh Malaysia. Hasil dapatan bagi kajian yang dicadangkan diharap mampu meningkatkan lagi kesedaran tentang pentingnya kecerdasan emosi dan agar tindakan dapat diambil bagi memastikan guru dapat memberikan khidmat yang terbaik bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih diucapkan kepada guru-guru yang sudi meluangkan masa untuk menjadi responden serta memberi kerjasama sepanjang menjalankan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahsaan Siddique, Naveed Ahmad Taseer & Muhammad Siddique. (2020). Teachers' Emotional Intelligence and Teaching Effectiveness: A Correlational Study. *Ilkogretim Online - Elementary Education Online, 19*(3), 2411-2417.

Al-Busaidi, S., Aldhafri, S., Alrajhi, M., Alkharusi, H., Alkharusi, B., Ambusaidi, A., & Alhosn, K. (2019). Emotional Intelligence Among School Teachers in Oman. *Alberta Journal of Educational Research, 65*(4), 320-345.

Alhashemi, S. E. (2018). Evaluating and Improving Emotional Intelligence among Teachers a Case of Schools in Duhfar Governate. *International Journal of Business and Applied Social Science, 4*(5), 1-13.

Arsenijević, J., Andevski, M. & Maljković, M. (2012). Teachers' Emotional Intelligence Development Management – Necessity of the New Age. *Persidangan Prosiding INTED2012.* Valencia, Spain.

Asmah Saleh. (2016). Kajian Mengenai Hubungan di antara Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja Guru: Kajian Kes di Sk Seksyen 20, Shah Alam. *Latihan Ilmiah, Universiti Sains Islam Malaysia*.

Boudersa, N. (2016). The Importance of Teachers' Training Programs and Professional Development in the Algerian Educational Context: Toward Informed and Effective Teaching Practices. *Expériences Pédagogiques, 1*(1), 1-14.

Creswell, J. W. (2002). *Research design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches.* London: Sage.

Dolev, N., & Leshem, S. (2016). Teachers' Emotional Intelligence: The Impact of Training. *The International Journal of Emotional Education, 8*(1), 75-94.

Fisherman, S. (2015). Emotional Well-Being as a Function of Professional Identity and Burnout among Homeroom and Subject Teachers. *Research Journal of Education, 1*(5), 64-78.

Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ.* New York: Bantam Books.

Goleman, D. (1999). *Working with Emotional Intelligence.* New York: Bantam Books.

Gudumi, M. M. (2010). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Guru-guru Kadazan Dusun dengan Kawalan Kelas Semasa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Murid Lemah Akademik Sekolah Menengah Daerah Ranau. *Disertasi Sarjana, Kolej Sastera Dan Sains, Universiti Utara Malaysia*.

Haslina Ahmad. (2013). Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Model Dulewicz dan Higg's.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Laporan Projek, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kauts, A., & Chechi, V. (2014). Teacher Effectiveness in Relation to Type of Institution, Emotional Intelligence and Teaching Experience. *Anadolu Journal Of Educational Sciences International, 4*(2), 63-81.

Kebbi, M., & Al-Hroub, A. (2018). Stress and Coping Strategies Used by Special Education and General Classroom Teachers. *International Journal of Special Education, 33*(1), 34-61.

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo & Nor Ellina Abdul Razak. (2012). Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities, 7*(1), 94-104.

Maheshwari, K., & Balaramulu, D. (2015). A Study on the Emotional Intelligence of Primary School Teachers in Warangal District. *International Journal of Advance Research and Innovative Ideas in Education, 1*(5), 173-178.

Mohd Khairuddin Abdullah, Maspiah Sekong & Halimah Laji. (2017). Kecerdasan Emosi dan Komitmen Guru Terhadap Organisasi. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial, 1*, 44–54.

Nagaraj, D., & Ramesh, N. (2020). Emotional Intelligence among School Teachers in Rural Karnataka – A Cross-Sectional Study. *Journal of the Scientific Society, 47*(2), 89-92.

Noriah Mohd. Ishak, Ramlee Mustapha, Siti Rahayah Ariffin & Syed Najmuddin Syed Hassan. (2003). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Nilai Kerja. *Jurnal Teknologi, 39*, 77-84.

Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahayah Ariffin, & Zuria Mahmud. (2004). *Inventori Kecerdasan Emosi – Dewasa (IKEM-D).* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Noriah, M. I., Zuria, M., Siti Rahayah, A., Ramli, M., Ruhizan, M. Y., Norzaini, A., & Ruslin, A. (2004). *IRPA Executive Report.* Bangi, Malaysia: MOSTI.

Okumura, S. (2017). Authentic Teaching Opportunities of English for Primary Students as a Community of Practice: A Case of Pre-Service Teacher Education at a Japanese University. *International Journal of English Language Teaching, 4*(2), 20-26.

Rodrigo-Ruiz, D. (2016). Effect of Teachers' Emotions on Their Students: Some Evidence. *Journal of Education & Social Policy, 3*(4), 73-79.

Rorlinda Yusof. (2009). Kecerdasan Emosi, Efikasi Kendiri dan Sumbangannya Terhadap Komitmen Tugas Guru Kaunseling Sekolah Menengah. *Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Salovey, P., & Mayer, J.D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality.* 9(3), 185-211.

Sazali Yusoff. (2006). Kecerdasan Emosi Guru Besar. *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-13.* Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.

Schonfeld, I. S., Bianchi, R., & Luehring-Jones, P. (2017). Consequences of Job Stress for the Mental Health of Teachers. *Dalam: McIntyre T., McIntyre S., Francis D. (eds) Educator Stress.* Aligning Perspectives on Health, Safety and Well-Being. Springer.

Serrat, O. (2017). Understanding and Developing Emotional Intelligence. *Knowledge Solutions* (pp. 329-339). Singapore: Springer.

Supardi, Mohamed Nor Azhari Azman, Ramlee Mustapha, Ridzwan Che Rus & Che Ghani Che Kob. (2016). Tahap Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Teknikal dan Vokasional di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK). *Sains Humanika, 8*(1), 41-50.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Syed Najmuddin. (2005). Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilal Kerja dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara. *Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Unlversltl Kebangsaan Malaysia*.

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak & Rorlinda Yusof. (2014). Profil Kecerdasan Emosi Ketua Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah. *Prosiding Social Sciences Research ICSSR 2014.* Kota Kinabalu, Sabah.

Tuyakova, U., Baizhumanova, B., Mustapaeva, T., Alekeshova, L., & Otarbaeva, Z. (2022). Developing Emotional Intelligence in Student Teachers in Universities. *Humanities And Social Sciences Communications, 9*(155), 1-6.

Wan Anor Wan Sulaiman, Norzihan Ayub & Kimong, P. J. (2012). Kecerdasan Emosi dan Komitmen Terhadap Organisasi dalam Kalangan Guru Kaunseling di Sekolah di Sabah. *International Psychology.* Sabah: Univeristi Malaysia Sabah.

Ying, N. G. (2017). Hubungan Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru SJKC Daerah Kota Tinggi. Disertasi Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, Univeristi Teknologi Mara.

Zahiruddin Othman & Sivasubramaniam, V. (2019). Depression, Anxiety, and Stress among Secondary School Teachers in Klang, Malaysia. *International Medical Journal, 26*(2), 71-74.

Zhu, X., & Kuljaca, O. (2005). A Short Preview of Free Statistical Software Packages for Teaching Statistics to Industrial Technology Majors. *Journal of Industrial Technology, 21*(2),1-6.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).